

Bahasa dan Nilai Simpati dalam Lagu Melayu Tempatan

Language and the Value of Sympathy in Local Malay Songs

Nabillah Bolhassan^{1*}, Zul Hanis Yop Othman²

¹Centre for University Courses & Innovative Learning, Universiti Teknologi Sarawak,
96000 Sibul, Sarawak, Malaysia

²Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia,
43400 Serdang, Selangor, Malaysia

*Corresponding author: nabillah@uts.edu.my

Received: 12 November 2024; **Revised:** 02 May 2025; **Accepted:** 20 June 2025; **Published:** 30 June 2025

To cite this article (APA): Bolhassan, N., & Yop Othman, Z. H. . (2025). Bahasa dan nilai simpati dalam lagu melayu tempatan. *PENDETA*, 16(1), 114-129. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol16.1.11.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol16.1.11.2025>

ABSTRAK

Lagu Melayu tempatan bukan sahaja berperanan sebagai hiburan, tetapi juga sebagai medium penyampaian mesej sosial dan nilai kemanusiaan, termasuk nilai simpati. Namun, pengaruh globalisasi dan perubahan dalam gaya penyampaian menyebabkan nilai-nilai ini semakin kurang diketengahkan dalam lirik lagu moden. Kajian ini akan mengenal pasti unsur nilai simpati dalam lirik lagu Melayu tempatan dan menganalisis unsur nilai simpati dalam lirik lagu Melayu tempatan dengan menggunakan Hipotesis Sapir-Whorf. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan pendekatan analisis kandungan untuk menghuraikan data. Data dikumpulkan daripada lirik lagu-lagu Melayu tempatan yang mengandungi unsur nilai simpati. Pemilihan sampel lagu dilakukan secara bertujuan. Kajian ini penting kerana ia membongkar bagaimana bahasa dalam lagu Melayu tempatan berperanan sebagai medium penyampaian nilai simpati yang mampu mempengaruhi pemikiran dan emosi pendengar. Hasil kajian memperlihatkan bagaimana lirik lagu mencerminkan budaya, nilai kemanusiaan dan pandangan dunia masyarakat Melayu. Sehubungan dengan itu, kajian ini bukan sahaja menyumbang kepada pengkayaan ilmu dalam bidang linguistik dan sosiobudaya, malah memberikan perspektif baharu tentang peranan seni muzik dalam membentuk kesedaran sosial dan nilai murni dalam kalangan masyarakat.

Kata kunci: Bahasa; nilai simpati; lagu Melayu; pemikiran; hipotesis Sapir-Swort

ABSTRACT

Local Malay songs not only serve as entertainment, but also as a medium for conveying social messages and human values, including the value of sympathy. However, the influence of globalization and changes in the style of delivery have caused these values to be less prominent in modern song lyrics. This study will identify the elements of sympathy values in local Malay song lyrics and analyze the elements of sympathy values in local Malay song lyrics using the Sapir-Whorf Hypothesis. This study uses a qualitative method with a content analysis approach to describing the data. Data was collected from the lyrics of local Malay songs that contain elements of sympathy values. The selection of song samples was done purposefully. This study is important because it reveals how language in local Malay songs serves as a medium for conveying sympathy values that can influence the thoughts and emotions of listeners. The results of the study show how the lyrics of songs reflect the culture, human values and worldview of the Malay community. In this regard, this study not only contributes to the enrichment of knowledge in the fields of linguistics and socio-culture but also provides a new perspective of musical art in the role of shaping social awareness and values among society.

Keywords: language; sympathy values; Malay songs; thinking; Sapir-Swort hypothesis

PENDAHULUAN

Bahasa dalam lirik lagu Melayu tempatan memainkan peranan penting dalam menyampaikan nilai simpati kepada pendengar. Menurut kajian oleh Masitah Mad Daud, Zulkifley Hamid, Nirwana Sudirman dan Nik Zulaiha Zakaria (2017), lirik lagu bukan sekadar medium hiburan, tetapi turut mencerminkan pemikiran dan perasaan penciptanya. Melalui penggunaan makna konotatif, afektif dan reflektif, lirik lagu mampu menyentuh emosi pendengar serta membangkitkan rasa empati terhadap situasi yang digambarkan.

Kajian oleh Waemasna Waeyusoh dan Yusniza Yaakub (2023) pula menunjukkan bahawa lirik lagu Melayu Patani banyak menggunakan gaya bahasa yang mencerminkan pengalaman dan emosi masyarakat setempat. Gaya pemikiran konotatif dan afektif ini berupaya menyampaikan mesej kemanusiaan secara halus, sekali gus mendidik pendengar tentang kepentingan nilai murni seperti kasih sayang dan keharmonian hidup bermasyarakat.

Menurut pandangan sarjana tempatan, Norfaizal Jamain dan Ahmad Sabri Abdul Samad (2024), bahasa dalam lirik lagu merupakan medium yang ampuh untuk menyampaikan emosi serta mesej yang mendalam kepada khalayak. Pemilihan diksi yang bersesuaian serta penggunaan bahasa puitis dalam lirik bukan sahaja memperindah karya, tetapi turut berupaya membangkitkan rasa simpati serta memberikan inspirasi kepada para pendengar.

Secara keseluruhannya, hubungan antara bahasa dan nilai simpati dalam lirik lagu Melayu tempatan adalah sangat erat. Penggunaan bahasa yang indah dan sarat makna dalam lirik bukan sahaja menyampaikan mesej atau kisah, tetapi juga memupuk nilai-nilai murni seperti empati, kasih sayang dan keprihatinan terhadap sesama manusia. Justeru, lirik lagu berfungsi sebagai medium yang berkesan dalam menyemai nilai simpati dalam kalangan masyarakat.

Penyataan Masalah

Lagu Melayu tempatan bukan sahaja berperanan sebagai hiburan, tetapi juga sebagai medium penyampaian mesej sosial dan nilai kemanusiaan, termasuk nilai simpati. Namun, pengaruh globalisasi dan perubahan dalam gaya penyampaian menyebabkan nilai-nilai ini semakin kurang diketengahkan dalam lirik lagu moden. Bahasa yang dahulunya puitis dan sarat makna kini semakin ringkas dan bersifat langsung, menimbulkan persoalan tentang keberkesanan penyampaian nilai simpati melalui lirik lagu masa kini. Menurut Ahmad Wafi Yunus dan Siti Zubaidah Raja Mhd Shahnuddin (2023), bahasa dalam lagu mampu membangkitkan emosi dan empati, manakala Arief Erysyandi, Hermendra, MHD Berly, dan Nanda Rizka Pratama (2024) pula menekankan fungsi didaktik lirik yang menyampaikan nilai kasih sayang dan kemanusiaan. Muhammad Bazli Mahmood, Wan Norhaizar Harun, Sharifah Anis Zarith Syed Dziauddin dan Nur Adila Hakimi (2023) melihat bahasa sebagai cerminan norma masyarakat, dan Dr. Norfaizal Jamain dan Ahmad Sabri Abdul Samad (2024) menegaskan peranan lagu dalam membentuk simpati terhadap isu-isu kehidupan. Oleh itu, kajian ini bertujuan meneliti bagaimana bahasa digunakan untuk menyampaikan nilai simpati dalam lagu Melayu tempatan secara berkesan.

Kajian ini penting dalam usaha memartabatkan lagu Melayu sebagai salah satu warisan budaya yang kaya dengan nilai murni, khususnya dalam menyampaikan mesej kemanusiaan seperti nilai simpati. Dalam usaha membina jati diri dan menyemai kepekaan sosial, lagu seharusnya berperanan sebagai medium yang mampu menyentuh hati pendengar dan membina empati dalam kalangan masyarakat. Namun begitu, dalam arus perkembangan muzik kontemporari yang lebih mementingkan hiburan dan populariti, nilai-nilai kemanusiaan seperti simpati semakin kurang diberi penekanan dalam lirik lagu. Situasi ini menimbulkan persoalan tentang sejauh mana unsur simpati masih wujud dan bagaimana ia disampaikan melalui bahasa dalam lagu Melayu tempatan. Oleh itu, kajian ini meneliti lirik-lirik lagu yang mengandungi unsur simpati untuk memahami peranan bahasa sebagai alat penyampaian nilai, seterusnya mengangkat lirik lagu sebagai karya seni yang mencerminkan sensitiviti sosial dan budaya masyarakat Melayu masa kini.

Penyataan masalah yang telah dibincangkan menunjukkan bahawa terdapat kebimbangan terhadap perubahan gaya bahasa dan penyampaian mesej dalam lirik lagu Melayu tempatan, khususnya berkaitan nilai simpati. Nilai simpati yang dahulunya menjadi antara inti pati penting dalam lagu

Melayu, kini dilihat semakin terpinggir akibat pengaruh arus muzik moden dan globalisasi. Hal ini menimbulkan keperluan untuk melakukan satu kajian yang lebih mendalam bagi mengenal pasti sama ada unsur simpati masih wujud dan bagaimana ia disampaikan melalui bahasa lirik. Sehubungan itu, objektif kajian ini dirangka bagi menangani permasalahan tersebut, iaitu dengan mengenal pasti unsur nilai simpati dalam lirik lagu Melayu tempatan serta menganalisis bagaimana nilai tersebut disampaikan melalui bahasa, berasaskan Hipotesis Sapir-Whorf. Hipotesis ini menekankan bahawa bahasa mempengaruhi cara manusia berfikir dan memahami dunia, justeru sesuai digunakan dalam menganalisis bagaimana penggunaan bahasa dalam lirik membentuk dan mencerminkan nilai simpati yang ingin disampaikan kepada pendengar.

OBJEKTIF KAJIAN

- i. Menenal pasti unsur nilai simpati dalam lirik lagu Melayu tempatan.
- ii. Menganalisis unsur nilai simpati dalam lirik lagu Melayu tempatan dengan menggunakan Hipotesis Sapir-Whorf.

Sorotan Kajian

Kajian oleh Nur Hastuti dan Shaila Fakhliza, (2025) meneliti nilai patriotisme yang terkandung dalam lirik lagu pembukaan animasi Jepun bertajuk "*Los! Los! Los!*" nyanyian Hotaru. Menggunakan teori semiotik Riffaterre dan kaedah deskriptif kualitatif, kajian ini menganalisis lirik lagu melalui pendekatan pembacaan heuristik dan hermeneutik, serta komponen seperti matriks, model, varian dan hipogram. Hasil kajian menunjukkan bahawa lirik lagu tersebut menggambarkan pengorbanan, keberanian dan kesetiaan seorang askar dalam mempertahankan negaranya. Dalam pembacaan hermeneutik, nilai patriotisme ditonjolkan melalui semangat juang, perpaduan dan kesanggupan untuk berkorban demi mencapai keamanan. Hipogram lagu ini menyerlahkan mesej tersirat tentang peperangan yang sia-sia tetapi sarat dengan makna perjuangan. Kajian ini menyumbang kepada pemahaman tentang bagaimana lirik lagu boleh menjadi medium penyampaian nilai patriotisme secara mendalam dan simbolik.

Arief Eryandi, Hermandra, MHD Berly dan Nanda Rizka Pratama (2024) menganalisis makna leksikal dalam lirik lagu "CEPMEK" (*Cepat Mencintaimu*) nyanyian Alif Cepmek dengan menggunakan pendekatan semantik. Kajian ini menggunakan kaedah deskriptif secara kualitatif dengan tumpuan kepada unsur pengulangan lirik, penggunaan sinonim dan antonim. Data dikumpul melalui kaedah pembacaan muzik bagi menangkap makna leksikal yang terkandung dalam lirik lagu. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan unsur repetisi dalam lirik memberikan penekanan dan ritma pada momen penting dalam naratif lagu. Sinonim pula digunakan untuk memperkaya makna dan mewujudkan hubungan antara unit bahasa dalam wacana. Penggunaan antonim berperanan dalam mencipta kontras makna serta menambah kompleksiti dan kedalaman cerita lagu. Kajian ini menyumbang kepada pemahaman tentang bagaimana seniman menggunakan bahasa secara kreatif untuk menyampaikan makna leksikal dalam lirik lagu. Analisis semantik terhadap lirik menjadi asas penting dalam meneroka nilai, emosi, dan mesej yang ingin disampaikan oleh artis kepada pendengarnya. Secara keseluruhan, kajian ini diharapkan dapat memberikan pemahaman yang lebih mendalam terhadap kompleksiti leksikal dan semantik dalam karya seni muzik, khususnya dalam penulisan lirik lagu.

Waemasna Waeyusoh dan Yusniza Yaakub (2023) menyatakan bahawa kecekapan minda masyarakat Melayu dapat ditelusuri melalui pelbagai bentuk khazanah bahasa dalam karya sastera seperti pantun, sajak, cerpen, novel, termasuk juga penciptaan lirik lagu. Makna dalam lirik lagu bukan sahaja terbentuk daripada susunan dan penggunaan bahasa, malah berkait rapat dengan bentuk pemikiran penulis lirik tersebut. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk menganalisis makna yang terkandung dalam lirik lagu Melayu Patani terpilih bagi mengenal pasti corak pemikiran, jenis-jenis makna perkataan, serta gaya berfikir yang tergambar dalam lirik tersebut. Kajian kualitatif ini menggunakan pendekatan berdasarkan konsep tujuh jenis makna yang diperkenalkan oleh Geoffrey Leech (1974). Hasil kajian mendapati bahawa terdapat tiga jenis makna utama yang digunakan, iaitu

makna konotatif, afektif dan reflektif. Selain itu, ketiga-tiga skema gaya berfikir turut dikenal pasti dalam bait-bait lagu yang dianalisis. Dapatan kajian menunjukkan bahawa lirik lagu bukan sekadar berfungsi sebagai hiburan, tetapi juga menggambarkan realiti kehidupan masyarakat Patani, mewujudkan suasana aman dan tenteram, membangkitkan semangat dalam menghadapi cabaran hidup, serta menyampaikan pelbagai nilai murni kepada para pendengar.

Kajian oleh Muhammad Bazli Mahmood, Wan Norhaizar Harun dan Sharifah Anis Zarith Syed Dziauddin (2023) membincangkan percampuran kod bahasa dalam lirik lagu raya terpilih. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti bentuk percampuran kod yang digunakan dalam lirik lagu serta menilai penerimaan pendengar melalui jumlah tontonan di YouTube dan jumlah undian suka (*like*) atau tidak suka (*dislike*) bagi setiap lagu. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menganalisis lirik lagu raya dalam bahasa Melayu yang mengandungi unsur percampuran kod. Dapatan kajian menunjukkan bahawa percampuran kod bahasa memberi kesan terhadap penerimaan pendengar, khususnya dalam menambah nilai estetika dan keunikan dalam penyampaian mesej lagu. Kajian ini menekankan bahawa percampuran kod bukan sahaja mencerminkan kepelbagaian bahasa dalam kalangan masyarakat, malah berupaya menarik minat khalayak dengan memberikan nafas baharu kepada lagu-lagu raya moden. Secara keseluruhan, kajian ini memberikan sumbangan penting dalam memahami peranan percampuran kod bahasa dalam pembentukan identiti lagu Melayu kontemporari.

Ahmad Wafi Yunus dan Siti Zubaidah Raja Mhd Shahnuddin (2023), gaya bahasa retorik merujuk kepada seni pemilihan bahasa secara terperinci untuk menyampaikan maksud atau tujuan dengan lebih berkesan, dengan harapan dapat mempengaruhi emosi dan pemikiran khalayak. Kajian-kajian lepas yang lebih tertumpu kepada analisis lirik secara semantik, serta stigma terhadap kualiti penulisan lirik lagu rap di Malaysia, telah membuka ruang bagi kajian ini, yang bertujuan untuk meneroka penggunaan teknik penulisan retorik moden seperti yang dicadangkan oleh Enos dan Brown (1993) dalam lirik lagu *Pejamkan Mata* (2016) oleh Malique. Fokus utama kajian ini adalah kepada aspek gaya bahasa retorik moden dalam penulisan lirik lagu tersebut. Melalui kaedah analisis tekstual secara kualitatif yang berlandaskan teori retorik moden Enos dan Brown (1993), kajian ini mendapati bahawa kesemua empat jenis retorik moden retorik naratif, pemerian, eksposisi, dan penghujahan digunakan dalam lirik lagu tersebut. Secara khusus, lagu *Pejamkan Mata* lebih banyak mengutamakan penggunaan retorik pemerian jenis imaginatif. Berdasarkan dapatan ini, kajian mencadangkan agar penulisan lirik rap oleh artis Malaysia diberikan perhatian yang lebih serius, kerana irama rap sebagai genre muzik yang sangat menekankan kualiti penulisan lirik mempunyai potensi besar dalam menyampaikan mesej yang mendalam, jika dianalisis dengan lebih teliti.

Wong Shia Hoo (2020) pemilihan ungkapan dalam penulisan lirik lagu menuntut ketajaman fikiran dan kepekaan estetika penulis, kerana fungsi lagu bukan sekadar hiburan, tetapi turut mengandungi falsafah dan pemikiran yang ingin disampaikan kepada pendengar. Kajian ini meneliti makna dan akal budi penulis melalui penggunaan unsur perlambangan dalam lirik lagu "*Ji Pa Ban*" —

百万 (*Seratus Juta*). Dua petikan lirik yang mengandungi perlambangan tentang impian kemewahan sekiranya menjadi jutawan telah dianalisis. Kajian ini bersifat kualitatif dan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif yang diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014). Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan perlambangan dalam lirik dilakukan secara bijaksana untuk menyampaikan makna tersirat. Kajian ini juga membuktikan bahawa gabungan antara data, teori, falsafah dan budaya mampu menghasilkan tafsiran makna yang mendalam, sekali gus menyerlahkan akal budi penulis melalui pemilihan dan penggunaan bahasanya.

Kajian oleh Masitah Mad Daud, Zulkifley Hamid, Nirwana Sudirman dan Nik Zulaiha Zakaria (2017) meneliti makna dalam lirik lagu Melayu bagi memahami corak pemikiran masyarakat Melayu. Berdasarkan pendekatan semantik dan model *Seven Types of Meaning* oleh Leech (1974) serta *Six Thinking Hats* oleh De Bono (1992), kajian ini menganalisis lirik lagu nyanyian Dato' Siti Nurhaliza dari tahun 1996 hingga 2010. Hasil kajian mendapati enam jenis makna utama digunakan dalam lirik, selain menunjukkan keenam-enam gaya berfikir De Bono dapat dikesan melalui bait-bait lagu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa lirik lagu bukan hanya berfungsi sebagai hiburan, malah menyampaikan nilai murni dan mencerminkan perenggu minda Melayu yang kaya dengan makna dan pemikiran simbolik.

Nazri Atoh dan Zubir Idris (2013) menjelaskan bahawa budaya ketimuran yang dipegang oleh masyarakat Melayu menjadikan kesantunan dalam berbahasa sebagai satu keutamaan. Dalam menyampaikan sesuatu makna, masyarakat ini cenderung menggunakan pendekatan berkias, sejajar

dengan nilai sopan santun yang diamalkan. Salah satu teknik yang digunakan ialah gaya bahasa simile. Kajian ini menggunakan pendekatan semiotik bagi meneliti penggunaan simile dalam *Syair Siti Zubaidah*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa simile dalam syair tersebut dibina melalui pemilihan kata dan tanda yang berkait rapat dengan latar budaya dan persekitaran masyarakat Melayu. Di samping itu, penggunaan simile dalam syair ini juga mencerminkan adab berbahasa, kerana pemilihan ungkapan dibuat dengan mengambil kira kesesuaian makna dan konteks.

Sorotan kajian lepas menunjukkan bahawa lirik lagu memainkan peranan penting bukan sahaja sebagai hiburan, tetapi juga sebagai penyampai nilai, pemikiran, dan budaya masyarakat. Pelbagai pendekatan seperti semiotik, semantik, retorik, dan percampuran kod bahasa digunakan untuk menganalisis lirik lagu, yang membuktikan kedalaman makna dalam karya tersebut. Kajian-kajian ini menyoroti bagaimana nilai patriotisme, kasih sayang, dan budaya diterjemahkan melalui teknik bahasa dan simbolisme dalam lirik. Ia juga memperlihatkan bagaimana lirik lagu mencerminkan pemikiran penulisnya dan berfungsi sebagai refleksi sosial dan budaya masyarakat.

Walaupun kajian lepas telah banyak mengkaji aspek makna dan nilai dalam lirik lagu, kajian mengenai lirik simpati masih kurang diberi perhatian. Lirik simpati, yang menyentuh isu kemanusiaan, penderitaan, dan keadilan sosial, memerlukan kajian lebih mendalam untuk memahami peranannya dalam memupuk empati dan kesedaran sosial. Kajian ini penting untuk menilai bagaimana lirik lagu boleh mempengaruhi perasaan pendengar dan mencipta perubahan positif dalam masyarakat. Kajian mengenai lirik simpati berpotensi untuk memperkaya pemahaman kita tentang peranan muzik dalam membentuk sikap sosial dan membina masyarakat yang lebih prihatin dan penyayang.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan pendekatan analisis kandungan untuk menghuraikan data. Data dikumpulkan daripada lirik lagu-lagu Melayu tempatan yang mengandungi unsur nilai simpati. Pemilihan sampel lagu dilakukan secara bertujuan (*purposive sampling*), iaitu dengan mengenal pasti dan memilih lagu-lagu yang secara jelas mengandungi tema simpati berdasarkan tajuk lagu, isi kandungan lirik, dan makna tersirat yang menyentuh perasaan empati, kesedihan, penderitaan atau keprihatinan terhadap orang lain. Lagu-lagu ini diperoleh daripada laman sesawang muzik tempatan seperti Lirik Lagu, YouTube, Spotify, dan sumber lain yang sah. Antara kriteria pemilihan lagu termasuk:

- a) Lirik yang mengandungi kata kunci atau tema simpati seperti penderitaan, kehilangan, kasih sayang, kemanusiaan dan empati.
- b) Lagu ciptaan artis tempatan dalam bahasa Melayu.
- c) Lagu yang mendapat perhatian pendengar

Setelah lagu dipilih, analisis kandungan akan dijalankan berdasarkan hipotesis Sapir-Whorf (yang berasal daripada kajian Boas, Edward Sapir dan Benjamin Whorf) yang menekankan bagaimana bahasa membentuk pemikiran dan pandangan dunia. Analisis ini akan melihat bagaimana bahasa yang digunakan dalam lirik membentuk nilai-nilai simpati serta ideologi dan falsafah penulis lirik, serta impaknya terhadap emosi dan pemikiran pendengar. Sehubungan dengan itu, pengkaji telah memilih sembilan lagu tempatan yang mempunyai unsur simpati dalam lirik lagu.

Hipotesis Sapir-Swort

Hipotesis Sapir-Whorf, atau lebih dikenali sebagai Hipotesis Relativiti Linguistik, mencadangkan bahawa bahasa yang digunakan oleh individu mempengaruhi cara mereka berfikir dan melihat dunia. Teori ini diasaskan oleh dua ahli linguistik, Edward Sapir dan Benjamin Lee Whorf, yang mengemukakan idea bahawa struktur bahasa bukan sahaja mencerminkan pemikiran manusia, tetapi juga membentuk cara mereka memahami dan berinteraksi dengan realiti. Dalam kata lain, bahasa bukan sekadar alat komunikasi, tetapi juga mempengaruhi cara kita menilai dan menginterpretasi pengalaman hidup. Terdapat dua bentuk utama dalam hipotesis ini, iaitu hipotesis lemah yang menyatakan bahawa

bahasa mempengaruhi pemikiran secara tidak langsung, dan hipotesis kuat yang berpendapat bahawa bahasa menentukan sepenuhnya cara berfikir seseorang.

Teori ini sangat relevan dalam kajian lirik lagu, terutamanya dalam analisis lirik yang mengandungi unsur simpati atau emosi. Lirik lagu adalah salah satu medium di mana bahasa digunakan untuk menyampaikan perasaan dan nilai kepada pendengar. Dengan menggunakan teori Sapir-Whorf, kita dapat memahami bagaimana pilihan kata dan struktur bahasa dalam lirik membentuk persepsi emosi pendengar. Sebagai contoh, dalam lagu "Belaian Jiwa" oleh Siti Nurhaliza, penggunaan perkataan seperti "rindu", "derita", dan "kasih sayang" mencipta perasaan simpati terhadap seseorang yang sedang berhadapan dengan kesedihan atau kehilangan. Bahasa dalam lirik ini membentuk cara pendengar berfikir dan merasai empati terhadap watak yang digambarkan, menunjukkan bagaimana bahasa boleh membentuk pengalaman emosional. Dengan demikian, Hipotesis Sapir-Whorf memberikan wawasan tentang bagaimana bahasa dalam lirik lagu bukan sahaja mencerminkan budaya, tetapi juga membentuk cara kita memahami perasaan dan pengalaman orang lain.

Nilai Simpati dalam Lagu Melayu Tempatan

Terdapat lagu Melayu tempatan, mempunyai nilai simpati dan keprihatinan yang digambarkan melalui lirik. Lagu sedemikian menjadi perbincangan dalam penulisan ini. Bahasa yang puitis oleh penulis telah membuahkan pemikiran dan idea yang sangat mendalam kepada pendengar. Lagu yang akan dibincangkan ini mempunyai roh yang tersendiri dan gambaran nilai kemanusiaan yang sangat tinggi.

Nilai Simpati dengan Musibah

*Dunia dicabar tanpa nuraga
Namun iman atasi segala
Dunia disentuh hiba nestapa
Namun hadapinya dengan sabar*

(Nuraga: Heal Husaini)

Lirik lagu Nuraga boleh dianalisis menggunakan hipotesis Sapir-Whorf untuk memahami bagaimana bahasa dalam lirik ini membentuk persepsi dan emosi pendengar, khususnya dalam aspek nilai simpati dan ketabahan. Dalam konteks hipotesis Sapir-Whorf, kita melihat bahawa bahasa yang digunakan dalam lirik lagu ini bukan sahaja menyampaikan makna secara literal, tetapi juga membentuk cara pendengar memahami cabaran hidup dan emosi yang berkait dengan kesusahan. Lirik ini mengandungi dua elemen utama, iaitu kesulitan hidup dan ketabahan dalam menghadapi cabaran. Dengan menggunakan teori Sapir-Whorf, kita dapat memahami bahawa bahasa dalam lirik ini tidak hanya mencerminkan keadaan dunia yang penuh cabaran, tetapi juga membentuk cara kita berfikir tentang kesulitan tersebut dan bagaimana kita seharusnya menghadapinya.

"Dunia dicabar tanpa nuraga"

Perkataan "dicabar" dan "tanpa nuraga" membentuk gambaran dunia yang penuh dengan ujian dan cabaran, yang mungkin sukar dihadapi tanpa kekuatan batin. Dalam konteks Sapir-Whorf, penggunaan perkataan "tanpa nuraga" menunjukkan betapa pentingnya kekuatan dalaman atau spiritual dalam menghadapi cabaran. Ini mempengaruhi pendengar untuk merasakan bahawa cabaran hidup tidak boleh dihadapi hanya dengan kekuatan fizikal, tetapi memerlukan kekuatan jiwa atau iman. Pilihan kata ini memberi kesan kepada cara pendengar memahami dunia yang penuh cabaran, dan bagaimana bahasa ini membentuk pemikiran mereka tentang pentingnya kekuatan dalaman.

"Namun iman atasi segala"

Dalam baris ini, kata "iman" digunakan untuk menunjukkan kekuatan yang dapat mengatasi segala ujian. Pemilihan perkataan ini memberi penekanan kepada nilai keagamaan yang penting dalam budaya Melayu, di mana iman dianggap sebagai landasan yang kuat untuk menghadapi segala kesulitan. Dari sudut pandang Sapir-Whorf, ini mencerminkan bagaimana bahasa berfungsi untuk mengaitkan nilai

agama sebagai alat untuk memahami dan mengatasi kesusahan hidup. Ia mengarahkan pendengar untuk melihat dunia melalui lensa iman dan keyakinan.

"Dunia disentuh hiba nestapa"

Perkataan "hiba" dan "nestapa" digunakan untuk menggambarkan kesedihan dan penderitaan yang menyentuh kehidupan. Dalam konteks hipotesis Sapir-Whorf, penggunaan kata-kata ini mengubah cara pendengar mengerti dan merasakan emosi penderitaan yang universal. "Hiba" dan "nestapa" membawa konotasi yang lebih mendalam dan penuh makna daripada hanya sekadar "kesedihan"; ia menyentuh perasaan simpati pendengar, membentuk cara mereka merasai penderitaan dalam konteks budaya yang lebih luas.

"Namun hadapinya dengan sabar"

Akhirnya, perkataan "sabar" mengingatkan pendengar tentang pentingnya kesabaran dalam menghadapi kesulitan. Dalam budaya Melayu, kesabaran adalah nilai utama yang dihargai dalam mengatasi penderitaan. Dengan menggunakan perkataan ini, lirik ini bukan sahaja mengajarkan nilai moral, tetapi juga membentuk cara pendengar memikirkan dan mengendalikan perasaan mereka ketika berhadapan dengan cabaran. Melalui hipotesis Sapir-Whorf, kita boleh melihat bahawa penggunaan kata "sabar" mempengaruhi cara pendengar mengatasi kesulitan dan menyesuaikan diri dengan keadaan yang penuh ujian.

Secara keseluruhannya, bahasa yang digunakan dalam lirik ini membentuk pemikiran dan emosi pendengar terhadap cara mereka memahami dunia dan cara menghadapinya. Hipotesis Sapir-Whorf membantu kita memahami bahawa pilihan kata seperti "nuraga", "iman", "hiba", dan "sabar" bukan sahaja menyampaikan makna secara literal, tetapi juga membentuk pandangan dunia pendengar, mempengaruhi mereka untuk melihat kesulitan hidup melalui lensa spiritual, kesabaran, dan ketabahan. Ini menunjukkan bagaimana bahasa dalam lagu boleh membentuk nilai-nilai simpati dan memberi kesan mendalam terhadap cara kita melihat dan merasai dunia.

*Di mana bumi dipijak
Di situ langit dijunjung
Kita gunungkan semangat sejiwa
Walau di mana saja berada
Makmurnya seiringan
Agar teguh tulus ikhlas dizahirkan
Malaysia Prihatin selamanya
Negara bangsa diutamakan
Khidmat diberi dengan penuh rela*

(Malaysia Prihatin: Siti Sarah, Alif Satar, Syamel dan Aina Abdul)

Dalam konteks lagu bertajuk Malaysia Prihatin oleh Allahyarhamah Siti Sarah, Alif Satar, Syamel dan Aina Abdul telah menunjukkan bahasa yang digunakan membentuk persepsi pendengar tentang bagaimana kita sebagai rakyat Malaysia harus bersatu, saling menjaga, dan berusaha bersama-sama untuk kemakmuran negara.

"Di mana bumi dipijak, Di situ langit dijunjung"

Frasa ini mencerminkan penghormatan terhadap tempat dan masyarakat, yang menekankan nilai simpati sosial. Melalui kata-kata ini, pendengar diajak untuk memahami bahawa setiap tempat yang kita pijak adalah tempat yang harus dihormati, dan dalam kalangan masyarakat, kita perlu saling menyokong. Simpati terbentuk apabila kita menunjukkan rasa empati terhadap orang lain, terutama dalam konteks perbezaan latar belakang budaya atau etnik. Dalam konteks Sapir-Whorf, penggunaan bahasa ini mempengaruhi pemikiran pendengar untuk berfikir lebih prihatin terhadap orang lain, walaupun mereka berada dalam situasi atau tempat yang berbeza.

"Kita gunungkan semangat sejiwa, Walau di mana saja berada"

Bahasa ini menggalakkan perpaduan yang melibatkan semangat bersama. Nilai simpati di sini dapat dilihat dalam konteks solidariti; pendengar diajak untuk merasakan penderitaan atau kesulitan orang lain dan bertindak bersama-sama. Melalui frasa "*semangat sejiwa*", lagu ini mengajak pendengar untuk merasai kebersamaan dan empati dalam menghadapi cabaran negara. Dalam teori Sapir-Whorf, penggunaan bahasa seperti ini membentuk pemikiran pendengar untuk lebih berhati-hati dan prihatin terhadap keadaan sesama rakyat, walaupun berada di tempat yang berbeza.

"Makmurnya seiringan, Agar teguh tulus ikhlas dizahirkan"

Lirik ini menunjukkan bahawa kemakmuran negara hanya akan tercapai apabila setiap individu bersatu dengan keikhlasan dan tulus. Nilai simpati boleh dikaitkan dengan keinginan untuk melihat orang lain berjaya dan sejahtera. Dengan menggunakan perkataan seperti "*teguh*", "*ikhlas*", dan "*seiringan*", lagu ini menekankan bahawa kemakmuran bersama bukan hanya tentang pencapaian individu, tetapi juga tentang saling menyokong dan memahami kesulitan orang lain. Ini adalah ekspresi simpati kolektif, di mana rakyat bersama-sama berusaha untuk mewujudkan negara yang makmur.

"Malaysia Prihatin selamanya, Negara bangsa diutamakan"

Frasa "*Malaysia Prihatin*" mengutamakan keprihatinan sosial, iaitu satu nilai yang berkait rapat dengan simpati. Dalam konteks ini, bahasa yang digunakan membentuk pandangan pendengar tentang pentingnya kepedulian terhadap sesama dan menjaga kepentingan bersama. Perkataan "*prihatin*" mengajak kita untuk tidak hanya melihat diri sendiri, tetapi juga melihat dan merasakan kesulitan orang lain, serta bertindak dengan empati untuk membantu mereka. Ini membentuk pemikiran tentang simpati yang lebih mendalam dalam konteks negara.

"Khidmat diberi dengan penuh rela"

Bahasa ini menunjukkan pengorbanan dan kerelaan dalam memberi khidmat kepada negara. Nilai simpati dalam baris ini dapat dilihat sebagai keinginan untuk memberi tanpa mengharapkan balasan, yang menguatkan rasa empati terhadap negara dan masyarakat. Menggunakan perkataan "*rela*", lirik ini menunjukkan bahawa memberi sumbangan kepada negara dan sesama adalah tindakan yang lahir daripada perasaan simpati dan kasih sayang terhadap negara dan orang lain.

Secara keseluruhannya, lirik lagu ini mengandungi elemen simpati sosial yang kuat, di mana bahasa yang digunakan membentuk cara pendengar berfikir dan merasai empati terhadap masyarakat dan negara. Hipotesis Sapir-Whorf membantu kita memahami bahawa pilihan kata dalam lagu ini seperti "*prihatin*", "*sejiwa*", "*rela*", dan "*seiringan*" tidak hanya menggambarkan nilai kebersamaan dan perpaduan, tetapi juga membentuk pemikiran pendengar tentang pentingnya simpati dalam membina negara yang makmur dan sejahtera.

Nilai Simpati dengan Kisah Kezaliman dalam Peperangan

*Hentikan penderitaan dan juga kezaliman
Kembalikanlah keamanan di bumi anbiya'
Berdoa kepada Ilahi agar Palestin akan merdeka
Kekal sentosa selamanya*

(Bebas Palestin: Rabbani, Inteam dan Hijjaz)

Lirik ini mencerminkan nilai simpati yang kuat dan dapat dianalisis melalui hipotesis Sapir-Whorf untuk melihat bagaimana bahasa dalam lirik ini membentuk persepsi pendengar terhadap penderitaan di Palestin dan rasa empati terhadap situasi tersebut.

"Hentikan penderitaan dan juga kezaliman"

Kata "*penderitaan*" dan "*kezaliman*" digunakan untuk menggambarkan keadaan kesusahan yang dialami oleh rakyat Palestin. Dalam hipotesis Sapir-Whorf, penggunaan bahasa ini membentuk cara kita berfikir dan merasakan tentang kezaliman yang berlaku, serta rasa simpati terhadap mereka yang menderita. Pilihan kata ini mencipta kesedaran di kalangan pendengar tentang ketidakadilan dan memupuk rasa empati terhadap mereka yang menjadi mangsa kekejaman.

"Kembalikanlah keamanan di bumi anbiya"

Bumi Palestin dianggap sebagai "*bumi anbiya*" (tanah para nabi), yang memberi konotasi spiritual dan sejarah yang mendalam. Dengan menggunakan frasa ini, lagu ini bukan hanya menyentuh penderitaan fizikal, tetapi juga nilai agama dan ketenangan rohani yang hilang akibat konflik. Dalam konteks Sapir-Whorf, penggunaan kata seperti "*keamanan*" dan "*bumi anbiya*" membentuk pemikiran pendengar untuk melihat pentingnya keamanan dan kedamaian bukan sahaja dalam konteks dunia, tetapi juga dalam dimensi spiritual. Ini menimbulkan perasaan simpati terhadap rakyat Palestin, kerana mereka bukan hanya kehilangan tanah, tetapi juga ketenangan rohani yang mendalam.

"Berdoa kepada Ilahi agar Palestin akan merdeka"

Frasa ini mengajak pendengar untuk mendoakan kebebasan Palestin. Dalam teori Sapir-Whorf, kata-kata seperti "*berdoa*" dan "*merdeka*" bukan hanya mencerminkan harapan untuk kebebasan fizikal, tetapi juga menggambarkan nilai kemanusiaan dan kepedulian yang mendalam terhadap keadaan orang lain. Melalui bahasa ini, pendengar dilibatkan secara emosi dalam perjuangan Palestin dan merasa empati terhadap mereka yang tertindas. Ini membentuk pemikiran yang lebih mendalam tentang tanggungjawab moral kita terhadap nasib orang lain, bukan hanya sebagai individu, tetapi sebagai umat manusia.

"Kekal sentosa selamanya"

Frasa ini mengungkapkan harapan untuk melihat Palestin mencapai keamanan abadi. Perkataan "*sentosa*" dan "*selamanya*" menggambarkan keinginan untuk melihat rakyat Palestin hidup dalam keadaan yang aman dan damai tanpa ancaman. Dalam konteks hipotesis Sapir-Whorf, penggunaan kata-kata ini membentuk cara pendengar berfikir tentang apa yang sepatutnya wujud dalam kehidupan umat manusia perdamaian yang kekal dan kemakmuran untuk semua. Hal ini memupuk rasa simpati terhadap mereka yang hidup dalam ketakutan dan penderitaan yang berlarutan, sambil menekankan harapan bahawa mereka akan menikmati kesejahteraan yang sepatutnya.

Secara keseluruhan, lirik ini menggunakan bahasa untuk membentuk persepsi pendengar tentang penderitaan yang dialami oleh rakyat Palestin dan mengajak mereka untuk merasai simpati serta empati terhadap situasi tersebut. Hipotesis Sapir-Whorf membantu kita memahami bagaimana pilihan kata seperti "*penderitaan*", "*kezaliman*", "*keamanan*", "*merdeka*", dan "*sentosa*" bukan sahaja menyampaikan makna literal, tetapi juga membentuk cara pendengar berfikir dan merasai tentang keadilan dan kemanusiaan. Dengan menggunakan bahasa yang kuat dan penuh makna, lirik ini mengajak pendengar untuk merenung dan bertindak terhadap nasib Palestin, melalui rasa simpati yang mendalam dan doa untuk perdamaian.

Nilai Simpati dengan Belunggu Kemiskinan

*Berbumbungkan angkasa kelabu
Lantainya bumi retak seribu
Setiap langkah perjalananmu beronak berliku
Betapa berat mata memandang
Berat lagi menggalas bebannya
Belum sempat menitis ke pipi
Tangisan kering sendiri*

(Wajah: Jaclyn Victor)

Lirik lagu "*Wajah*" (*Jaclyn Victor*) menggambarkan penderitaan dan kesusahan hidup yang dialami oleh seseorang. Dalam konteks nilai simpati dengan belenggu kemiskinan, lirik ini memberikan gambaran yang jelas tentang bagaimana kemiskinan bukan sahaja memberi kesan fizikal, tetapi juga emosi dan psikologi yang mendalam.

"Berbumbungkan angkasa kelabu"

Frasa ini menggambarkan suasana suram dan gelap yang dialami oleh individu yang hidup dalam kemiskinan. Angkasa kelabu melambangkan ketiadaan harapan dan kegelisahan yang menyelubungi hidup mereka. Dalam konteks simpati, perkataan ini membentuk cara pendengar melihat kesulitan yang dihadapi oleh individu tersebut. Kita diajak untuk merasakan keadaan terperangkap dalam dunia yang suram, dan melalui lirik ini, pendengar diharapkan dapat merasai penderitaan yang tidak kelihatan, tetapi memberi impak yang besar dalam kehidupan seseorang.

"Lantainya bumi retak seribu"

Lirik ini menggambarkan keadaan yang sangat buruk, di mana bumi yang mereka pijak sendiri dalam keadaan yang rosak dan pecah. Perkataan "*retak seribu*" menunjukkan kesukaran yang tidak terhitung dan betapa rapuhnya kehidupan yang mereka jalani. Kemiskinan sering kali melibatkan keadaan yang sangat mencabar, di mana setiap langkah terasa seperti "*onak berliku*", iaitu kesukaran yang berterusan dan menghalang mereka daripada bergerak maju. Dalam konteks nilai simpati, lirik ini mengajak pendengar untuk lebih prihatin terhadap realiti kehidupan yang penuh dengan cabaran dan kepayahan, di mana penderitaan mereka bukan hanya dilihat dari luar, tetapi dirasakan dalam setiap pergerakan dan usaha mereka.

"Setiap langkah perjalananmu beronak berliku"

Lirik ini menekankan kesukaran dan perjuangan yang tiada habisnya. Setiap langkah dalam hidup mereka terasa penuh dengan rintangan dan kesulitan. Dalam simpati, ini membangkitkan perasaan empati terhadap orang yang berjuang dengan kemiskinan dan ketidakadilan. Setiap langkah bukan sahaja mencabar secara fizikal, tetapi juga emosi, membentuk gambaran kehidupan yang penuh dengan rintangan yang kadang kala tidak nampak oleh mereka yang tidak mengalaminya sendiri. Bahasa ini membentuk pemahaman bahawa kehidupan mereka adalah perjuangan tanpa henti yang memerlukan sokongan dan pengertian dari orang lain.

"Betapa berat mata memandang, Berat lagi menggalas bebannya"

Lirik ini menunjukkan bahawa penderitaan yang dilihat oleh mata orang lain adalah jauh lebih berat apabila dilalui sendiri. Perkataan "*berat*" menekankan beban yang tidak dapat ditanggung seorang diri, yang memerlukan simpatik dan bantuan daripada orang lain. Dalam konteks simpati, kita diajak untuk memahami bahawa penderitaan kemiskinan bukan sahaja tentang apa yang dilihat, tetapi lebih daripada itu, ia adalah beban yang sangat berat untuk dipikul, yang mencabar kekuatan fizikal dan mental seseorang.

"Belum sempat menitis ke pipi, Tangisan kering sendiri"

Lirik ini menggambarkan bagaimana individu yang mengalami kemiskinan dan penderitaan sering kali terpaksa menahan perasaan mereka dan tidak dapat meluahkan kesedihan mereka. Tangisan kering menunjukkan bahawa walaupun ada rasa kesedihan yang mendalam, mereka tidak dapat menunjukkan atau mendapatkan sokongan. Ini juga mengisyaratkan bagaimana kemiskinan sering kali datang bersama kesepian, di mana mereka terpaksa menanggung segalanya seorang diri. Dalam konteks simpati, ini membentuk rasa empati mendalam, kerana pendengar diajak untuk merasai penderitaan mereka, yang tidak hanya berbentuk fizikal tetapi juga emosi yang tersembunyi dan terpendam.

Lirik lagu ini menggambarkan dengan jelas kesusahan hidup yang dialami oleh individu yang terperangkap dalam kemiskinan. Dalam konteks nilai simpati, kita dapat melihat bagaimana bahasa dalam lirik ini membentuk pemikiran pendengar untuk lebih prihatin dan empatik terhadap mereka yang

berdepan dengan kemiskinan dan penderitaan. Hipotesis Sapir-Whorf membantu kita memahami bahawa pilihan kata seperti "*berat*", "*retak*", "*onak berliku*", dan "*tangisan kering*" tidak hanya menggambarkan keadaan fizikal, tetapi juga emosi yang mendalam. Lirik ini memupuk rasa simpati sosial, di mana pendengar diajak untuk merasakan dan bertindak atas penderitaan orang lain, kerana dalam kemiskinan, tidak hanya tubuh yang tertekan, tetapi jiwa juga sering kali terluka dan terabaikan.

Nilai Simpati dengan Kerinduan dan Kehilangan Insan Tersayang

*Hadirlah, kekasih
Hadirlah dikau dalam mimpiku
Cinta ini hanyalah padamu
Hadirlah, kekasih
Hadirlah ke dasar hati ini
Kerna kasih bersamamu
Naluriku rasa Bahagia*

(Naluri: Nora)

Lirik lagu "*Hadirlah, kekasih*" ini menggambarkan kerinduan mendalam dan kehilangan insan tersayang, yang sangat berkait dengan nilai simpati dalam bentuk emosi peribadi dan hubungan kasih sayang. Dalam konteks ini, simpati bukan hanya tertumpu kepada penderitaan fizikal atau sosial, tetapi juga kepada perasaan kehilangan yang meruntun jiwa. Lagu ini menggambarkan betapa seseorang mendambakan kehadiran orang yang disayangi, yang mungkin telah tiada atau berjauhan.

"Hadirlah, kekasih. Hadirlah dikau dalam mimpiku"

Frasa ini menyampaikan kerinduan yang mendalam, di mana satu-satunya ruang untuk merasai kehadiran insan tersayang hanyalah melalui mimpi. Ini menggambarkan kehilangan yang nyata kekasih itu sudah tiada secara fizikal, namun masih hidup dalam ingatan dan perasaan. Dalam konteks nilai simpati, pendengar diajak untuk merasai keperitan seseorang yang tidak mampu lagi bertemu secara nyata dengan orang yang dikasihi. Rasa simpati timbul apabila kita memahami betapa sunyinya hidup seseorang tanpa kehadiran insan itu, dan betapa besar impaknya kepada jiwa mereka.

"Cinta ini hanyalah padamu"

Perkataan ini mencerminkan kesetiaan dan kasih yang tidak berubah meskipun insan tersayang sudah tiada. Dalam nilai simpati, ini mengundang rasa penghargaan terhadap cinta sejati dan kesedihan kerana cinta itu tidak dapat lagi dirasai secara fizikal. Pendengar yang pernah mengalami kehilangan juga akan mudah berempati kerana mereka memahami bahawa kehilangan tidak memadamkan rasa kasih.

"Hadirlah ke dasar hati ini / Kerna kasih bersamamu"

Bahagian ini menggambarkan keinginan agar insan tersayang tetap hidup dalam hati dan ingatan, walaupun secara realiti mereka telah tiada. Ini adalah bentuk simpati emosi merasakan kesedihan, tetapi dalam masa sama, menghargai kenangan dan cinta yang pernah ada. Bahasa seperti "*dasar hati*" menggambarkan kedalaman perasaan, dan mengajak pendengar meresapi makna kehilangan dengan penuh rasa empati.

"Naluriku rasa bahagia"

Walaupun kehilangan itu menyakitkan, masih wujud bahagia dalam mengenang insan yang pernah hadir. Ini menunjukkan bahawa nilai simpati juga melibatkan penghormatan terhadap memori, bukan hanya kesedihan semata-mata. Perasaan bahagia ini lahir daripada cinta yang tulus dan kenangan yang masih hidup dalam hati. Secara keseluruhannya, lirik ini membangkitkan nilai simpati melalui tema kerinduan dan kehilangan insan tersayang. Ia mengajak pendengar untuk memahami perasaan kehilangan bukan dari sudut tangisan semata-mata, tetapi dari sudut emosi halus, seperti kesunyian,

kerinduan yang tak terucap, dan kasih yang tidak padam. Lirik ini mengundang empati daripada pendengar yang pernah mengalami kehilangan, dan membentuk satu kesedaran bahawa simpati terhadap perasaan rindu dan kehilangan adalah sebahagian daripada kemanusiaan yang mendalam.

Nilai Simpati dengan Sifat Kerakusan dan Ketamakan Masyarakat

*Bumi tanpa lautan
Akan kehausan
Pasti lambat laun hilang
Duniaku yang malang Dewasa ini kita saling merayakan
Kejayaan yang akhirnya membinasakan
Apalah gunanya kematangan fikiran
Bila di jiwa kita masih lagi muda
Dan mentah
Ku lihat hijau*

(Hijau: Zainal Abidin)

Lirik lagu "*Hijau*" nyanyian Zainal Abidin menyampaikan mesej mendalam tentang kerosakan alam akibat kerakusan dan ketamakan manusia, serta mengajak pendengar untuk merenung dengan simpati terhadap nasib bumi. Lagu ini sarat dengan nilai simpati terhadap alam sekitar yang terancam oleh tangan manusia sendiri satu bentuk simpati yang melampaui manusia kepada alam sebagai entiti yang turut menderita.

"Bumi tanpa lautan. Akan kehausan. Pasti lambat laun hilang. Duniaku yang malang"

Bahagian ini jelas melambangkan penderitaan bumi yang kehilangan sumber kehidupan akibat eksploitasi manusia. Dalam konteks nilai simpati, pendengar diajak untuk merasai kesengsaraan bumi, yang tidak lagi dapat menyediakan air, makanan, dan kehidupan jika kerakusan berterusan. Perkataan seperti "*kehausan*" dan "*malang*" membangkitkan rasa simpati ekologi, iaitu keprihatinan terhadap penderitaan makhluk dan alam yang tidak bersuara.

"Dewasa ini kita saling merayakan. Kejayaan yang akhirnya membinasakan"

Lirik ini menyindir masyarakat moden yang meraikan pembangunan dan kemajuan, tetapi tidak sedar bahawa mereka sebenarnya memusnahkan bumi. Nilai simpati terletak dalam kritikan terhadap ketamakan, di mana pencapaian material dicapai dengan mengorbankan kelestarian alam dan kesejahteraan generasi akan datang. Lagu ini menyeru agar kita berhenti bersikap mementingkan diri, dan mula memahami bahawa setiap tindakan tamak memberi kesan kepada kehidupan lain yang tidak berdosa — termasuk manusia dan alam.

"Apalah gunanya kematangan fikiran. Bila di jiwa kita masih lagi muda dan mentah"

Lirik ini menyampaikan mesej bahawa walaupun kita maju dalam teknologi dan ilmu, ketamakan dan kerakusan tetap menguasai jiwa yang belum matang dari segi moral dan empati. Di sinilah nilai simpati ditekankan: lagu ini mencabar pendengar untuk menilai semula hati nurani, dan berfikir dengan penuh empati tentang akibat tindakan manusia terhadap dunia yang didiami bersama. Ia menyindir mereka yang tahu membezakan benar dan salah, tetapi tetap memilih untuk mementingkan diri.

"Ku lihat hijau"

Frasa ini merujuk kepada keindahan semula jadi yang masih wujud tetapi semakin terancam. Dalam konteks simpati, ia menyatakan satu pengharapan dan rindu terhadap alam yang dahulu indah, kini semakin hilang kerana kerakusan manusia. Ia mengajak pendengar untuk merasai kehilangan itu dan bangkit dengan rasa simpati dan tanggungjawab untuk menyelamatkan alam yang tenat. Lagu "*Hijau*" membawa mesej yang kuat tentang nilai simpati terhadap alam yang sedang merana akibat kerakusan dan ketamakan masyarakat moden. Melalui liriknya, Zainal Abidin menyeru masyarakat agar tidak

hanya memikirkan keuntungan jangka pendek, tetapi melihat kesan jangka panjang terhadap alam dan generasi akan datang. Dalam konteks ini, simpati bukan sekadar rasa belas kasihan terhadap manusia, tetapi juga satu keprihatinan moral terhadap bumi, yang sedang merintih dalam diam. Lagu ini menanamkan kesedaran dan rasa tanggungjawab dalam diri pendengar agar menjadi lebih prihatin, matang, dan berhati perikemanusiaan - terhadap sesama manusia dan seluruh ciptaan.

Nilai Simpati dengan Kekejaman dan Penderaan

*Lepaskan dari belenggu ini
Simpati dariku tak terperi
Tenaga digerak tanpa bayar gaji
Bukan kuli, itu hamba abdi
Maki hamun sudah sebat
Sepak terajang itu sudah lali
Paksa kerah buat itu ini
Bak anjing kurap yang macam babi*

(Hamba Abdi: XPDC)

Lirik lagu "*Hamba Abdi*" nyanyian XPDC ini menggambarkan secara terang dan berani kehidupan penuh penderitaan, kekejaman, dan penderaan terhadap insan yang diperhambakan secara moden, terutama golongan buruh atau pekerja tertindas. Ia menonjolkan nilai simpati secara mendalam dengan menunjukkan realiti hitam kehidupan golongan ini yang sering diabaikan masyarakat arus perdana.

"Lepaskan dari belenggu ini / Simpati dariku tak terperi"

Frasa ini merakam ratapan dan rintihan seorang yang terperangkap dalam kehidupan yang menyeksakan. Kata "*belenggu*" merujuk kepada penindasan mental dan fizikal, manakala "*simpati tak terperi*" melambangkan kesedaran dan empati terhadap nasib insan yang menderita. Ia menuntut pendengar untuk merasai peritnya hidup dalam penderaan, dan pada masa yang sama, menyeru agar masyarakat membuka mata dan hati terhadap isu penderaan dan eksploitasi.

"Tenaga digerak tanpa bayar gaji / Bukan kuli, itu hamba abdi"

Bahagian ini menggambarkan eksploitasi tenaga kerja secara ekstrem, di mana individu dipaksa bekerja tanpa upah. Ini bukan lagi sekadar ketidakadilan - ini ialah perhambaan moden. Lirik ini mengundang simpati mendalam apabila kita menyedari bahawa masih wujud manusia yang dirampas hak asasi dan maruahnyanya, dan dilayan tanpa nilai kemanusiaan. Pendengar diajak untuk menyedari keperitan ini, serta mengecam ketamakan dan kekejaman pihak atasan yang memanfaatkan kesengsaraan orang lain.

"Maki hamun sudah sebat / Sepak terajang itu sudah lali"

Lirik ini menunjukkan bahawa penderaan verbal dan fizikal bukan lagi luar biasa, tetapi sudah menjadi kebiasaan yang diterima dengan pasrah. Nilai simpati muncul di sini dalam bentuk kesedaran emosi, apabila pendengar memahami bahawa penderitaan berpanjangan boleh menjadikan manusia mati rasa, seolah-olah mereka tidak lagi berhak untuk dilayan sebagai manusia. Ini adalah kritikan sosial yang kuat terhadap budaya kekejaman dan sistem yang membiarkan penindasan terus berlaku.

"Paksa kerah buat itu ini / Bak anjing kurap yang macam babi"

Lirik ini sangat kasar, namun dengan sengaja digunakan untuk menggambarkan dehumanisasi iaitu apabila manusia dilayan lebih hina daripada binatang. Bahasa yang ekstrem ini menimbulkan kejutan emosi bagi pendengar, yang seterusnya membangkitkan rasa simpati dan marah terhadap ketidakadilan yang berlaku. Ia menekankan betapa dalamnya luka jiwa golongan tertindas apabila mereka bukan sahaja diperah tenaganya, tetapi juga dihina dan dilucutkan maruahnyanya sebagai manusia.

Lagu "*Hamba Abdi*" merupakan satu bentuk protes sosial terhadap penderaan dan kekejaman yang masih berlaku dalam masyarakat moden, khususnya terhadap golongan pekerja bawahan, migran, atau mereka yang tidak berdaya. Nilai simpati dalam lagu ini sangat kuat, kerana ia bukan sekadar memaparkan penderitaan, tetapi juga mengajak pendengar untuk merasai, memahami, dan bertindak membela mereka yang dianiaya. Liriknyanya yang lantang dan berani sesuai untuk menyentak kesedaran, membina empati, dan menentang sistem yang menindas. Lagu ini menuntut agar kita tidak lagi menutup mata terhadap penderaan, dan bahawa kemanusiaan harus menjadi asas dalam melayan sesiapa pun tanpa mengira status.

*Disadari betapa pun berat mata yang memandang
Betapalah jiwa yang sarat menanggung penderaan
Hanya kesalan dan kata-kata
Sedang tindakan jauh dari nyata
Semakin jelas, kemunafikan makhluk bernama manusia
Usahlah kita mengharapkan lagi
Dari mereka kata simpati
Ucapan di bibir lembut meniti
Tiada semestinya pengucapan di hati*

(Naluri Cinta: Rohana Jalil dan To'Ki)

Lirik lagu "*Naluri Cinta*" nyanyian Rohana Jalil dan To'ki ini mengungkapkan realiti pedih penderaan dan kekecewaan terhadap simpati palsu, yang sering kali hanya berupa kata-kata tanpa tindakan. Lagu ini mengangkat nilai simpati secara mendalam, namun dalam bentuk kritikan terhadap kepalsuan empati dalam masyarakat apabila penderitaan hanya menjadi tontonan, bukan sesuatu yang mahu difahami dan diangkat dengan keikhlasan.

"Disadari betapa pun berat mata yang memandang / Betapalah jiwa yang sarat menanggung penderaan"

Bahagian ini mengingatkan bahawa melihat penderitaan tidak sebanding dengan mengalaminya. Ia membangkitkan nilai simpati melalui kontras antara pengamat luar dan mangsa sebenar. Perkataan "*sarat menanggung*" menggambarkan beban emosi dan fizikal yang tidak ternilai. Simpati yang benar menuntut pemahaman yang mendalam, bukan sekadar rasa kasihan semata-mata. Lirik ini menegur mereka yang melihat dari jauh tanpa benar-benar mengalami kesengsaraan orang lain.

"Hanya kesalan dan kata-kata / Sedang tindakan jauh dari nyata"

Lirik ini menggambarkan hipokrasi masyarakat, yang kononnya simpati, tetapi tidak pernah bertindak membela atau membantu. Dalam konteks nilai simpati, ini adalah sindiran kepada empati yang tidak ikhlas yang hanya diucapkan, tetapi tidak dizahirkan melalui perbuatan. Lagu ini menyampaikan bahawa simpati sejati memerlukan tindakan, bukan hanya retorik yang melemahkan.

"Semakin jelas, kemunafikan makhluk bernama manusia"

Ungkapan ini menonjolkan kekecewaan terhadap manusia yang berpura-pura peduli. Lagu ini menolak bentuk simpati yang berpura-pura atau bermuka dua, dan menyeru pendengar untuk lebih jujur dan ikhlas dalam merespons penderitaan orang lain. Nilai simpati dalam konteks ini terletak pada kritikan terhadap kemunafikan, dan gesaan untuk menjadikan simpati sebagai nilai hidup yang benar-benar diamalkan.

"Usahlah kita mengharapkan lagi / Dari mereka kata simpati"

Ini adalah suara hati mereka yang telah terlalu banyak dikhianati oleh janji dan ucapan kosong. Ia menyuarakan keletihan dan keraguan terhadap keikhlasan simpati manusia, dan dalam masa sama, menggesa agar simpati yang hanya berupa kata tidak lagi menjadi sandaran. Ia mengajak pendengar untuk mencerminkan keikhlasan sendiri, dan bertanya sama ada kita benar-benar memahami dan membantu mereka yang terdera.

"Ucapan di bibir lembut meniti / Tiada semestinya pengucapan di hati"

Lirik ini menegaskan bahawa kata-kata yang indah tidak bermakna tanpa keikhlasan hati. Dalam konteks simpati, ini adalah mesej penting bahawa simpati yang tidak datang dari hati hanyalah satu kepura-puraan. Lagu ini menolak simpati sebagai sekadar formaliti sosial, dan menuntut ketulusan dalam merasai penderitaan orang lain. Oleh itu, lagu "*Naluri Cinta*" membawa dimensi yang unik dalam penggambaran nilai simpati ia bukan sekadar memaparkan penderitaan atau penderitaan, tetapi menganalisis kerapuhan empati manusia moden, yang sering bersifat permukaan dan tidak tulus. Ia menyeru kepada kejujuran dalam menunjukkan simpati, serta menolak budaya berpura-pura peduli. Lagu ini menjentik hati pendengar agar tidak menjadi penonton kepada penderitaan, tetapi benar-benar memahami, merasai, dan bertindak membantu kerana simpati tanpa tindakan hanyalah cerminan kemunafikan yang menyakitkan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa bahasa dalam lagu Melayu tempatan memainkan peranan penting dalam membentuk pemikiran dan emosi pendengar, selaras dengan prinsip Hipotesis Sapir-Whorf yang menyatakan bahawa bahasa mempengaruhi cara manusia berfikir dan melihat dunia. Lirik-lirik lagu yang sarat dengan unsur emosi, khususnya simpati, menggambarkan bagaimana pemilihan kata, gaya bahasa dan struktur naratif digunakan untuk membangkitkan rasa empati, keprihatinan dan solidariti terhadap situasi sosial atau kemanusiaan tertentu. Bahasa dalam lagu bukan sahaja menjadi alat komunikasi, tetapi juga mencerminkan cara masyarakat memahami dan menilai pengalaman hidup.

Dapatan kajian memperlihatkan bahawa nilai simpati yang dizahirkan melalui bahasa dalam lagu bukanlah bersifat kebetulan, sebaliknya merupakan hasil daripada budaya linguistik yang terbentuk dalam persekitaran masyarakat penutur. Lagu-lagu tempatan sering kali mengangkat tema kemanusiaan, penderitaan, dan harapan, sekali gus memperkukuh hubungan antara bahasa, pemikiran dan nilai budaya. Oleh itu, kajian ini membuktikan bahawa bahasa dalam lagu berupaya membentuk persepsi sosial pendengar serta memainkan peranan dalam penyebaran nilai murni seperti simpati dan empati dalam kalangan masyarakat.

Kajian ini penting kerana ia membongkar bagaimana bahasa dalam lagu Melayu tempatan berperanan sebagai medium penyampaian nilai simpati yang mampu mempengaruhi pemikiran dan emosi pendengar. Melalui pemahaman terhadap hubungan antara bahasa dan pemikiran seperti yang diuraikan dalam Hipotesis Sapir-Whorf, kajian ini turut memperlihatkan bagaimana lirik lagu mencerminkan budaya, nilai kemanusiaan dan pandangan dunia masyarakat Melayu. Kajian ini bukan sahaja menyumbang kepada pengkayaan ilmu dalam bidang linguistik dan sosiobudaya, malah memberikan perspektif baharu tentang peranan seni muzik dalam membentuk kesedaran sosial dan nilai murni dalam kalangan masyarakat.

Cadangan untuk kajian akan datang adalah agar penyelidikan diperluaskan kepada genre lagu yang berbeza seperti lagu patriotik, lagu rakyat atau lagu rap kontemporari bagi melihat bagaimana nilai-nilai seperti simpati, empati, atau nilai kemanusiaan lain disampaikan melalui pelbagai bentuk bahasa dan gaya penyampaian. Kajian juga boleh melibatkan perbandingan antara lirik lagu dari pelbagai latar budaya atau dialek dalam dunia Melayu bagi mengenal pasti perbezaan dan persamaan dalam cara penyampaian makna. Selain itu, pendekatan kajian boleh diperluaskan dengan melibatkan analisis terhadap respons pendengar secara empirikal untuk melihat sejauh mana bahasa dalam lagu mempengaruhi persepsi dan emosi mereka.

RUJUKAN

- Ahmad Wafi Yunus dan Siti Zubaidah Raja Mhd Shahnuddin (2023). Penulisan lirik lagu Malique: Satu analisis retorik moden. *e-BANGI: Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(1), 15-25.
- Arief Erysyandi, Hermendra, MHD Berly, dan Nanda Rizka Pratama (2024). Makna leksikal dalam lirik lagu Alif Cepmek dengan Judul “CEPMEK” (Cepat Mencintai Kamu). *IJEDR: Indonesian Journal of Education and Development Research*, 2(1), 78-83.
- Farra Humairah Mohd et al (2019). Falsafah, bahasa dan pemikiran Melayu dalam lirik lagu “Bangau Oh Bangau” dan “Burung Kenek-Kenek”. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 2(6), 14-26.
- Masitah Mad Daud, Zulkifley Hamid, Nirwana Sudirman dan Nik Zulaiha Zakaria (2017). Perenggu minda melayu dalam lirik lagu: satu analisis makna. *e-BANGI: Journal of Social Sciences and Humanities*, 12(3), 2-12.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2015). Seuntai nilai-nilai murni dalam himpunan 366 cerita rakyat di Malaysia. *Tesis Sarjana Sastera*, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Nilai-nilai kemanusiaan dalam cerita lisan: Satu penelitian takmilah: *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(1), 11-25.
- Muhammad Bazli Mahmood, Wan Norhaizar Harun, Sharifah Anis Zarith Syed Dziauddin dan Nur Adila Hakimi (2023). Percampuran kod bahasa dalam lagu: Satu kajian kualitatif terhadap lirik lagu raya terpilih. *Journal of Communication in Scientific Inquiry (JCSI)*, 5(92), 157-168.
- Nazri Atoh dan Zubir Idris (2013). Simile sebagai kesantunan berbahasa dalam Syair Siti Zubaidah. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 4, 78 - 95.
- Nik Aziz Nik Pa. (1990). *Kesusasteraan Melayu Lama*. Petaling Jaya: Penerbit Federal Berhad.
- Nor Saadah Mohd Salleh dan Hashim Musa. (2016). Kepelbagaian makna leksikal dalam iklan produk kecantikan: *Jurnal Pertanika MAHAWANGSA*, 3(1), 25-36.
- Norfaizal Jamain dan Ahmad Sabri Abdul Samad (2024, Mac 5), Kuasa Bahasa Dalam Penciptaan Lagu. Rencana: <https://malaysiagazette.com/2024/03/05/kuasa-bahasa-dalam-penciptaan-lagu/>
- Nur Hastuti dan Shaila Fakhliza. (2025). Nilai-nilai patriotisme pada lirik lagu Los! Los! Los! Karya Hotaru Kajian Semiotika Riffaterre, *KIRYOKU*, 9(1), 251-267.
- Waemasna Waeyusoh dan Yusniza Yaakub. (2023). Konotatif, afektif dan reflektif memanifestasikan kebijakan akal budi Melayu Patani. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastera dan Budaya*, 2, 155–176.
- Wong Shia Hoo (2020) Gambaran kemewahan melalui perlambangan dalam lirik lagu hokkien “Ji Pa Ban”: Analisis semantik inkuisitif. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(1), 98-114.
- Zul Hanis Yop Othman dan Che Ibrahim Salleh (2023). Bahasa dan pemikiran dalam dikir barat. *Jurnal Sains Sosial*. Jilid. 8(1), 55-63.